

# Hospital swasta jangan tamak

B.H 21 MAY 1993

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis — Profesion kedokteran dan hospital swasta tidak harus menumpukan kepada aspek perdagangan semata-mata, sebaliknya harus bertimbang rasa dan mempunyai tanggungjawab sosial.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata jika terlalu mengutamakan perniagaan dan pendapatan daripada berkhidmat mengikut ikrar *Hippocratic* menyebabkan bayaran yang dikenakan tinggi dan ramai pesakit tidak mendapat rawatan kerana tidak mampu.

Menurutnya, amalan enggan menerima pesakit dalam kecemasan yang tidak mempunyai deposit tidak sesuai dengan profesion kedokteran.

"Profesion kedokteran tidak patut terlalu diperdagangkan. Unsur khidmat perlu ditekankan.

"Walaupun pendapatan penting, hospital swasta juga harus bertimbang rasa dan mempunyai tanggungjawab sosial," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Peranan Hospital Swasta di Malaysia Pada Masa Kini dan Akan Datang, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Kesihatan, Datuk Lee Kim Sai dan timbalannya, Datuk Mohd Farid Ariffin.

Dr Mahathir berkata, walaupun rawatan kecemasan menyebabkan pendapatan hujung bulan akan berkurangan, ia sepatutnya dianggap sebagai sebahagian daripada kos.

Menurutnya, negara beruntung kerana amalan mendakwa doktor di mahkamah tidak begitu ketara dan jika keadaan itu berlaku, ada undang-undang bagi menyekat bayaran pampasan yang terlalu tinggi.

"Ganti rugi hendaklah dibayar tetapi hendaklah berpatutan. Kerajaan tidak ingin melihat dakwaan dan tuntutan yang keterlaluan.

"Di negara di mana doktor kerap ditukum oleh mahkamah supaya membayar ganti rugi yang terlalu tinggi, erkhidmatan perubatannya adalah uruk," katanya.

Dr Mahathir meminta doktor supaya tidak bersikap cuai dalam menjalankan tugasnya serta tidak menjadikan pemeriksaan menggunakan peralatananggih dan mahal untuk menaikkan pendapatan atau mengelak daripada didakwa di mahkamah.

"Amalan *fee splitting* dan *ambulance chasing* juga tidak harus dibuat. Pakatan dengan peguam untuk mendapat perniagaan patut dielakkan," katanya.

Menyentuh perbezaan gaji di antara doktor dan jururawat swasta serta kerajaan, Dr Mahathir berkata adalah mudah mencadangkan gaji dinaikkan tetapi masalah dalam perkhidmatan kerajaan ialah *parity* atau persamaan menjadi perkara utama.

"Jika berlaku jarak antara satu kumpulan kerajaan ia tidak boleh dilebih atau dikurangkan. Jika berubah sedi-

## Kenaikan gaji beri kesan kepada inflasi

B.H 21 MAY 1993

DARI MUKA 1

kit pun, pihak yang terkilan akan membuat tuntutan bahkan ugutan," katanya.

Dr Mahathir berkata, kenaikan gaji sedikit sebanyak akan menyumbang terhadap inflasi dan tidak ada pihak yang memperoleh faedah daripada percubaan mengurangkan perbezaan pendapatan di antara doktor swasta dan kerajaan.

Bagaimanapun, beliau berkata jika perbezaan itu tidak dapat dikurangkan pengaliran doktor dan jururawat ke sektor swasta akan berterusan menyebabkan perkhidmatan kesihatan kerajaan tidak dapat diadakan dengan sempurna.

"Masalah ini hanya boleh diatasi jika jumlah doktor dan pakar perubatan meningkat sehingga persaingan yang besar berlaku di kalangan doktor swasta.

"Jika pengeluaran doktor tidak meningkat dengan ketara kerajaan terpaksa membenarkan

doktor asing masuk dan bekerja dengan kerajaan atau hospital swasta atau persendirian," katanya.

Perdana Menteri berkata, hospital swasta dan perubatan swasta di negara ini berkembang maju kerana rakyatnya adalah mewah dan mampu untuk membayar.

"Doktor terhutang budi kepada masyarakat baik dari segi peluang belajar mahu pun praktisnya. Hospital swasta dan doktor patut memberi khidmat kepada masyarakat di samping perlu mendapat pendapatan yang tinggi," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan menyokong penubuhan hospital swasta dan ia membantu mengurangkan beban kewangan kerajaan serta tekanan bilangan penduduk yang mengambil berat mengenai kesihatan.

Beliau juga berharap kepakaran doktor swasta akan ditingkatkan setaraf dengan pakar dunia.

LIHAT MUKA 2